

Bukti kestabilan Kerajaan MADANI

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2025 yang diluluskan Dewan Rakyat semalam, dengan dukungan penuh dua pertiga Ahli Parlimen membuktikan kekukuhan dan kestabilan Kerajaan MADANI pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata Perdana Menteri menyampaikan penghargaan kepada Ahli Parlimen yang memberi dukungan penuh kepada pindaan itu, bagi membolehkan kerajaan mengembalikan dan menguatkuasakan semula Akta Perkhidmatan Parlimen.

“Pindaan ini menjadi reformasi penting dalam memberikan kematangan kepada sistem demokrasi negara, membuka ruang kepada Parlimen untuk menjalankan fungsi dengan lebih bebas serta menjadikan Parlimen sebagai mercu tanda kebebasan bersuara,” katanya dalam Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri yang disiarkan di Facebook PMO Malaysia, semalam.

Sementara itu, kerajaan bersejua supaya Jawatankuasa Majlis Perkhidmatan Parlimen



Anwar pada Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

yang akan ditubuhkan melalui Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Parlimen 2025 kelak dianggotai dua senator dan empat Ahli Parlimen termasuk dua wakil daripada pembangkang.

Perkara itu dimaklumkan Perdana Menteri, ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2025 di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar berkata, pelantikan Jawatankuasa Majlis Perkhidmatan Parlimen ini akan dibuat jawatankuasa pemilih dan ter-

takluk kelulusan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

“Kerajaan memberi jaminan dan terus komited untuk membawa cadangan pindaan seterusnya dalam fasa kedua usaha reformasi pemerkasaan institusi Parlimen Malaysia.

“Penambahbaikan dalam fasa kedua ini akan melalui sesi libat urus dengan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan yang relevan termasuk pertubuhan bu- kan kerajaan (NGO) bagi memastikan ia mengambil kira pandangan yang menyeluruh dan seimbang,” katanya.